

# Lelaki warga Indonesia dipenjara kerana lindungi 20 migran diseludup di Bintulu

**KUCHING:** Seorang lelaki warga Indonesia dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dua bulan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melindungi 20 migran yang diseludup di Bintulu pada 2023.

Pesuruhjaya Kehakiman Zaleha Mohd Yusuf Pan menetapkan demikian terhadap Achmad Muzammil, 40, yang didakwa mengikut Seksyen 26H Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan sepasukan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia dari Putrajaya dan Sarawak yang melaksanakan Ops Kenya-lang pada 17 Februari 2023,



**MENGAKU BERSALAH:** Tertuduh (kanan) ketika berada di pekarangan Mahkamah Tinggi Kuching semalam.

sekitar jam 9.30 malam telah memeriksa sebuah inap desa di Bintulu Sentral, Jalan Kidorong di Bintulu.

Pasukan kemudian mendapati Achmad terlibat dalam

melindungi 20 migran berusia antara 24 dan 50 tahun terdiri daripada sembilan lelaki dan 11 wanita yang diseludup dan disyaki merupakan warganegara Indonesia.

Siasatan lanjut mendapati Achmad menguruskan kemasukan migran-migran ini dari Indonesia ke Malaysia melalui Sarawak secara haram dan seterusnya menempatkan mereka di inap desa tersebut sebagai tempat persinggahan sementara sebelum dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Malah, berdasarkan semakan yang dilakukan bersama Jabatan Imigresen Malaysia, pihak berkuasa mendapati bahawa terdapat rekod kemasukan yang tidak teratur atau secara haram ke Malaysia bagi migran-migran diseludup.

Sehubungan itu, Achmad telah melakukan kesalahan melindungi atau menyembunyikan migran-migran yang diseludup tersebut.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kong Siew Chuo sementara Achmad diwakili peguam Fadzillah Osman.